



TERMA & SYARAT

Dengan menyertai Peraduan Masak, Kongsi & Menang Seri Murni ("Peraduan"), anda ("Peserta") mengakui bahawa anda telah membaca dan bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat yang disenaraikan seperti berikut -

PENGANJUR DAN TEMPOH PERADUAN

- Peraduan Masak, Kongsi & Menang Seri Murni adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia, berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas. Kakitangan FFM Berhad dan FFM Marketing Sdn Bhd ("Penganjur"), syarikat sekutu, anak syarikat, agensi pengiklanan dan ahli keluarga terdekat pihak-pihak tersebut tidak layak untuk menyertai Peraduan.
- Peraduan ini bermula dari 1 April 2019 dan berakhir pada 5 Julai 2019.

CARA PENYERTAAN

- Peserta dikehendaki untuk menghantar video demonstrasi memasak dan resipi bertulis untuk menyertai Peraduan. Penggunaan Minyak Masak Sayuran Tulen Seri Murni perlu dipaparkan di dalam mana-mana bahagian video. Jenama bahan-bahan masakan lain tidak boleh dipaparkan di dalam video.
- Peserta perlu mengisi dan menghantar borang penyertaan atas talian di laman web di bawah:
 - Layari www.serimurni.com/masakkongsidanmenang
 - Isi maklumat peribadi anda
 - Muat naik video (MPEG4/AVI/MOV) dan resipi bertulis
 - Hantar penyertaan
- Semua resipi penyertaan mestilah Halal.
- Video penyertaan haruslah berformat MPEG4/AVI/MOV. Resolusi video yang disyorkan adalah 640p x 480p dan saiz fail video tidak boleh melebihi 450mb. Kualiti video harus jelas pada mod skrin penuh di komputer.
- Setiap borang penyertaan perlu dilengkapi dengan maklumat peribadi (nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon, e-mel, alamat dan poskod), rakaman video (MPEG4/AVI/MOV) dan resipi bertulis. ("Penyertaan yang Layak").
- Setiap Penyertaan yang Layak akan terikat dengan satu Peserta. Sekiranya penyertaan melibatkan kerja berkumpulan, Penyertaan yang Layak akan dihantar di bawah nama Peserta utama. Adalah menjadi tanggungjawab Peserta utama untuk mendapatkan persetujuan daripada ahli kumpulan.
- Semua penyertaan mestilah karya asal Peserta dan tiada bahagian atau komponen diambil daripada mana-mana kerja atau bahan lain.
- Dialog di dalam video boleh menggunakan mana-mana bahasa utama di Malaysia.
- Dengan menghantar video penyertaan untuk Peraduan, Peserta mengesahkan bahawa mereka adalah pemilik sah dan/atau sebaliknya mempunyai hak harta intelek untuk menghantar bahan-bahan tersebut dan dengan itu menjamin bahawa mereka telah memperoleh kebenaran untuk menggunakan bahan-bahan yang mempunyai hak cipta seperti muzik, runut bunyi, audio, grafik, gambar dan klip-klip video di dalam video penyertaan. Setiap penyertaan dan mana-mana bahagian daripada video tersebut tidak melanggar atau menceroi sebarang undang-undang atau hak pihak ketiga.
- Kesemua penyertaan haruslah menggunakan video dan resipi bertulis yang baharu, video dan resipi bertulis sedia ada tidak akan dilayan.
- Penyertaan tidak digunakan bagi mana-mana peraduan/filem yang dijalankan sebelum Peraduan ini.
- Penyertaan tidak mengandungi atau merujuk kepada sebarang nama, produk atau perkhidmatan dari mana-mana syarikat atau entiti atau tanda dagangan mana-mana pihak ketiga, logo, gaya perniagaan atau promosi bagi mana-mana jenama, produk atau perkhidmatan (selain daripada hak milik Penganjur)
- Penyertaan yang berunsurkan seksual, lucah, pornografi, mencari, memfitnah, haram dari segi undang-undang, menyninggung perasaan atau sebaliknya mengandungi kandungan yang tidak senonoh atau bahan-bahan yang tidak dibenarkan untuk dihantar dan pihak Penganjur berhak untuk membuang atau meminta Peserta yang layak untuk membuang penyertaan tersebut mengikut budi bicara Penganjur.
- Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberi kebenaran kepada pihak Penganjur hak eksklusif ke atas hak cipta untuk menggunakan video atau bahan-bahan untuk simpanan, promosi dan kegunaan komersial secara global.
- Kesemua kos dan perbelanjaan berkaitan dengan penghasilan penyertaan dan penglibatan dalam Peraduan ini ditanggung sepenuhnya oleh Peserta.
- Peserta dibenarkan untuk menghantar lebih daripada satu penyertaan. Setiap penyertaan perlu disertakan dengan video memasak dan resipi bertulis yang berlainan.
- Borang penyertaan diterima selepas 11.59pm, 31 Mei 2019 tidak akan dilayan.
- Penyertaan yang diterima melalui saluran-saluran lain (Facebook, Instagram, WhatsApp, E-mel) selain daripada laman web www.serimurni.com/masakkongsidanmenang tidak akan dilayan.
- Penyertaan akan diadili secara saksama berdasarkan video memasak bersama dengan resipi hidangan terbaik yang dimasak dengan Minyak Masak Sayuran Tulen Seri Murni. Keputusan barisan hakim adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Segala rayuan, pertanyaan dan/atau surat menyurat tidak akan dilayan.
- Kualiti audio harus jelas - audio sokongan atau naratif adalah dibenarkan.
- Pihak Penganjur akan memilih lima (10) video terbaik dari setiap kumpulan. Penyertaan yang Layak yang tidak dipilih secara automatik akan dibawa ke kumpulan seterusnya untuk pertimbangan semula. Secara keseluruhannya, terdapat dua puluh (20) video yang akan dipilih dan kesemua dua puluh (20) video yang dipilih secara automatik akan didaftarkan bagi pusingan terakhir untuk memenangi Hadiah Pertama, Hadiah Kedua dan Hadiah Ketiga.
- Pengumuman Hadiah Pertama, Hadiah Kedua dan Hadiah Ketiga akan dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh pengundian terakhir.
- Peraduan terdiri daripada dua (2) kumpulan seperti di bawah:

- Pendaftaran awal akan mendapat tempoh yang lebih lama untuk mengumpul "likes" dan berpeluang lebih besar untuk menang hadiah utama.

HADIAH PERADUAN:

- Kesemua dua puluh (20) video dipilih secara automatik akan didaftarkan bagi pusingan akhir untuk memenangi Hadiah Pertama, Hadiah Kedua dan Hadiah Ketiga.
- Para Peserta yang mendapat jumlah undi video yang tertinggi (berdasarkan jumlah "likes") akan menjadi pemenang Hadiah Pertama. Hadiah Kedua dan Hadiah Ketiga.
- Sekiranya terdapat lebih daripada Satu (1) pemenang untuk hadiah tertentu, Penganjur berhak untuk memilih pemenang. Pilihan Penganjur adalah muktamad. Pemenang yang lain akan mendapat hadiah-hadiah yang berikutnya.
- Pemenang akan menerima hadiah yang berikut:
 - Hadiah Pertama : Wang Tunai RM 3,000 x 1
 - Hadiah Kedua : Wang Tunai RM 2,000 x 1
 - Hadiah Ketiga : Wang Tunai RM 1,000 x 1
 - 20 Video Terpilih : Wang Tunai RM 300 x 20

TERMA DAN SYARAT:

- Dengan menghantar penyertaan bagi Peraduan ini, Peserta dianggap memahami dan bersetuju dengan Terma dan Syarat & Notis Privasi yang diterbitkan di laman web kami di www.serimurni.com/masakkongsidanmenang
- Keputusan bagi setiap kumpulan akan diumumkan di laman Facebook "Timeless Recipes for Every Occasion" dan laman web di www.serimurni.com/masakkongsidanmenang
- Keputusan bagi Hadiah Pertama, Hadiah Kedua dan Hadiah Ketiga akan diumumkan di laman web kami di www.serimurni.com/masakkongsidanmenang dan laman Facebook "Timeless Recipes for Every Occasion" dalam tempoh 30 hari dari tarikh pengundian terakhir.
- Pemenang akan dimaklumkan melalui telefon.
 - Penganjur akan membuat tiga (3) percubaan panggilan telefon selama lima (5) hari untuk memaklumkan kepada pemenang. Jika mana-mana pemenang gagal menjawab panggilan dalam tempoh lima (5) hari akan dianggap tidak dapat dihubungi, pihak Penganjur mempunyai hak untuk membatalkan kelayakan pemenang.
 - Hadiah yang tidak dituntut dalam tempoh 30 hari dari tarikh dimaklumkan akan ditarik balik and sebarang pertanyaan selepas itu tidak akan dilayan.
- Kesemua pemenang dikehendaki menghubungi FFM Berhad dan FFM Marketing Sdn Bhd (Tel:03-6145 7888) untuk mengaturkan pengambilan hadiah (Penganjur berhak untuk meminta semua pemenang mengambil hadiah di pejabat FFM Berhad dan FFM Marketing Sdn Bhd).
- Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan nilai yang sama tanpa notis terlebih dahulu.
- Penganjur tidak akan bertanggungjawab atau menanggung liabiliti untuk sebarang kecederaan atau kemalangan peribadi yang dihadapi oleh Peserta semasa penglibatan dalam penyertaan Peraduan, atau pengambilan hadiah. Kesemua kos pengangkutan, penginapan, peribadi dan/atau kos-kos lain dan/atau perbelanjaan lain yang berkaitan dengan penglibatan dalam Peraduan ini dan/atau untuk mengambil hadiah adalah ditanggung sepenuhnya oleh Peserta dan pemenang.
- Penganjur berhak untuk mempromosikan nama dan gambar-gambar pemenang untuk tujuan publisiti dan promosi.
- Penganjur berhak untuk meminta atau membatalkan Peraduan ini tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu.
- Pemenang akan menanggung apa-apa dan semua cukai yang perlu dibayar bagi hadiah yang diberikan atau diterima (jika perlu). Kesemua kos dan perbelanjaan yang dibuat dan/atau timbul daripada penyertaan dalam promosi/pertandingan akan ditanggung oleh Peserta.
- Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat, dan kesemua keputusan yang dibuat oleh pihak Penganjur adalah muktamad dan mengikat. Pihak Penganjur berhak untuk menukar, meminda, menambah atau memadam, mana-mana Terma dan Syarat, pada bila-bila masa tanpa sebarang notis dan Peserta terikat dengan perubahan-perubahan tersebut.
- Keputusan pihak Penganjur berhubung dengan Peraduan ini, termasuk, penghakiman dan pemilihan pemenang, adalah muktamad, mengikat dan konklusif bagi kesemua Peserta dan tiada surat-menyurat atau rayuan akan dilayan.
- Terma-Terma dan Syarat-Syarat Peraduan akan termasuk terma-terma dan syarat-syarat berikut berkenaan pengumpulan, pengrekodan, penyimpanan, dan pengekal data peribadi:-
 - Dengan mengakses laman web kami di www.serimurni.com dan www.serimurni.com/masakkongsidanmenang dan memasuki dan mengambil bahagian di dalam Peraduan ini, Peserta dengan ini bersetuju bahawa Penganjur boleh mengumpul, memperoleh, menyimpan, memproses, dan mengguna data peribadi Peserta mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan bahawa data peribadi ini tidak akan diizinkan kepada pihak ketiga tanpa izin Peserta atau hanya diizinkan dalam keadaan-keadaan tertentu sahaja sebagaimana yang terkandung di dalam Notis Perlindungan Data Peribadi (maklumat lanjut diberi di dalam perenggan di bawah ini).
 - Semua data peribadi yang dikumpul akan hanya digunakan untuk tujuan mengurus, mengoperasi, dan mengendalikan Peraduan yang termasuk apa-apa acara atau penghablauan/publisiti Peraduan dalam apa-apa bentuk atau menerusi apa-apa media dan bukan untuk lain-lain tujuan. Data peribadi yang disediakan oleh Peserta akan digunakan oleh Penganjur bersama dengan Notis Perlindungan Data Peribadi ("Notis PDP") yang lokasinya di www.serimurni.com dan www.serimurni.com/masakkongsidanmenang ("Laman Web Notis PDP"), dan Peserta memaklumkan penerimaan Notis PDP sama ada menerusi pengaksesan Laman Web Notis PDP atau sebaliknya.

JADUAL

Kumpulan Peraduan	Tarikh Mula Penyertaan Video	Tarikh Tutup Penyertaan Video	Video-video Terpilih	Tarikh Mula Pengundian	Tarikh Mula Pengundian
1	1 April, Isnin	30 April, Selasa	10 Video Terpilih	6 Mei, Isnin (6pm)	5 Julai, Jumaat (11.59pm)
2	1 Mei, Rabu	31 Mei, Jumaat	10 Video Terpilih	7 Jun, Jumaat (6pm)	5 Julai, Jumaat (11.59pm)